
SURAT EDARAN JPA.SARAAN(S) 43/35 JLD.9(13)

**PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BILANGAN 5 TAHUN 2019
CUTI TANPA REKOD SEMPENA PERAYAAN GOOD FRIDAY BAGI
PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM YANG MENGANUT AGAMA
KRISTIAN**

[Telah diluluskan oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti
Kali Ke-67 (Bil. 3/2019) pada 25 Julai 2019]

1.0 TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua staf mengenai penerimaan pakai surat edaran Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam tahun 2019 – Cuti Tanpa Rekod Sempena Perayaan Good Friday Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Yang Menganut Agama Kristian

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Melalui surat edaran Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam rujukan JPA.SARAAN(S) 43/35 JLD.9(13) bertarikh 17 April 2019 memaklumkan bahawa Kerajaan telah bersetuju supaya pegawai perkhidmatan awam yang menganut agama Kristian diberikan kemudahan cuti tanpa rekod selama satu (1) hari sempena perayaan Good Friday mulai tahun 2019 kecuali bagi pegawai perkhidmatan awam di negeri-negeri yang perayaan Good Friday adalah merupakan hari kelepasan am.

3.0 PELAKSANAANNYA

- 3.1 Kemudahan cuti tanpa rekod ini diberikan selama **satu (1) hari mulai tahun 2019** kepada staf yang beragama Kristian sempena perayaan Good Friday.
- 3.2 Kemudahan cuti tanpa rekod ini adalah terpakai kepada semua staf yang beragama Kristian yang dilantik di UniMAP.

4.0 PEMAKAIAN

- 4.1 Pekeliling ini dipanjangkan pemakaiannya kepada semua lantikan staf UniMAP.

5.0 TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

- 5.1 Ketua Jabatan hendaklah memastikan kemudahan ini diberikan mengikut pelaksanaan pada para 3.0 di atas.

6.0 TARIKH KUAT KUASA

- 6.1 Pekeliling ini adalah berkuatkuasa serta-merta.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

'Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan'

Saya yang menjalankan amanah



(HJ. MOHD SAAD BIN DIN)

Pendaftar